



# UMP-KKTM bakal jalin kerjasama dalam bidang pendidikan dan latihan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) bakal menjalankan kerjasama dengan Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) bagi mewujudkan hubungan sinergi dalam membangunkan program-program yang selari dengan kehendak industri.

Selain UMP turut menjalankan rangka kerjasama melibatkan jaringan universiti teknikal (MTUN) iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Manakala, tujuh industri terlibat antaranya ialah USS Engineering Trading, Dipsol (M) Sdn. Bhd, Micro Precision Machining Sdn. Bhd. dan Asturi Metal Builders (M) Sdn. Bhd.

Majlis penyerahan memorandum persefahaman (MoU) disempurnakan Ketua Pengarah MARA, Datuk Ibrahim Ahmad di Dewan Multaqam Maju Junction Mall, Kuala Lumpur pada 21 Februari 2012 yang lalu.

Hadir sama Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan), Haji Abd. Rahim Abd. Ghani, Pengarah Bahagian Kemahiran dan Teknikal,

Haji Mohd. Fadzil Ghazali.

Bersempena majlis itu juga diadakan Forum Industri KKT/IKM 2012 anjuran Bahagian Kemahiran dan Teknikal MARA bertemakan penyertaan Bumiputera dalam konteks hala tuju Malaysia sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, kerjasama UMP dengan pihak KKTM ini dapat mempertingkatkan jalinan kerjasama yang lebih berkesan dalam bidang pendidikan dan latihan di kalangan pelajar serta bekerjasama untuk membangunkan tenaga pengajar dari semasa ke semasa.

"Kerjasama ini juga memberi manfaat dalam menawarkan tenaga pengajar KKTM yang berkelayakan dan ingin menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah dalam bidang-bidang yang berkaitan yang ditawarkan di universiti ini.

"UMP juga akan melaksanakan program pengukuhan kepada pelajar dalam mata pelajaran Matematik dan Fizik bagi menyedia

dan meningkatkan keupayaan pelajar dalam komponen akademik.

"Pertukaran maklumat berkaitan struktur pengajian tinggi dan penyelidikan, pembaharuan dan teknologi pendidikan dan latihan yang baharu juga dijangka dapat membantu memperkasa peranan KKTM," kata Dr. Daing Nasir.

Katanya, bagi kerjasama jangka masa panjang, KKTM dijangka akan menjadi feeder kepada kemasukan pelajar ke universiti ini seperti mana peluang yang dibuka kepada pelajar Politeknik. Malah, akan menjalankan pemetaan kurikulum untuk kesesuaian program kepada lepasan pelajar KKTM.

Delegasi UMP turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Engr. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Pengarah Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat (BJIM), Profesor Dr. Zulkefli Yaakob, Pegawai Perhubungan Industri BJIM, Mohd. Suhaimi Ismail dan Penolong Pendaftar Kanan Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA), Mohd. Raizalhilmy Mohd. Rais.